



**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)**
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
(Ministry Of Science, Technology and Innovation)
Batu 24, Jalan Dengkil,
43800, Dengkil, Selangor



6 Februari 2018
Notis Pemberitahuan AELB
Bil. 01/2018

KEPUTUSAN LEMBAGA MENGENAI JAWATAN PENASIHAT PERLINDUNGAN SINARAN (RPA)

TUJUAN

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan keputusan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (Lembaga) agar jawatan Penasihat Perlindungan Sinaran (*Radiation Protection Advisor*, RPA) diharmonikan dan diselaraskan dengan jawatan Pengendali Perunding Bebas (PPB).

LATAR BELAKANG

2. Lembaga melalui Mesyuarat Lembaga ke-60 bertarikh 4 Mac 2008 telah bersetuju mewujudkan jawatan RPA di Malaysia yang bertanggungjawab untuk memberi khidmat nasihat kepada pemegang lesen dalam hal-hal berkaitan pematuhan terhadap Akta 304 dan peraturan subsidiari di bawahnya.

3. Peraturan 16, Peraturan-peraturan Pelesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010, (P.U.(A). 46/2010) memperuntukkan bahawa:

16.(1) *Pemegang lesen hendaklah mengambil kerja seorang pegawai perlindungan sinaran.*

(2) Walau apa pun subperaturan (1), pemegang lesen boleh mengambil kerja seorang **pakar yang berkelayakan** sebagaimana yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkenaan untuk menjalankan kewajipan **seorang pegawai perlindungan sinaran.**

Berdasarkan kepada peruntukan Peraturan 16(2), P.U.(A) 46/2010 tersebut, pemegang lesen yang tidak mempunyai Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS) boleh mengambil kerja seorang pakar yang berkelayakan untuk menjalankan kewajipan seorang PPS. Berdasarkan peruntukan ini, jawatan **Pengendali Perunding (PP)** dan **Pengendali Perunding Bebas (PPB)** telah diwujudkan yang merujuk kepada pakar berkelayakan untuk menjalankan tugas PPS secara sementara dalam tempoh tertentu. Jawatan RPA pula walau bagaimanapun hanya boleh memberi khidmat nasihat kepada pemegang lesen dan tidak tertakluk kepada peruntukan perundangan kerana tidak boleh mengantikan jawatan PPS secara sementara. RPA dan PPB kedua-duanya merupakan pakar berkelayakan dan tidak terikat dengan Agensi Perunding Perlindungan Sinaran. Sehubungan itu, Lembaga berpandangan jawatan RPA ini perlu dikaji semula untuk tujuan penyelarasan dengan jawatan-jawatan lain yang bersesuaian yang tertakluk kepada peruntukan perundangan.

KEPUTUSAN

4. Lembaga dalam Mesyuarat Lembaga ke-92 bertarikh 26 Disember 2017 telah memutuskan agar jawatan RPA diharmonikan dan diselaraskan dengan jawatan PPB. Dengan pengharmonian dan penyelarasan terhadap jawatan RPA ini kepada jawatan PPB, tiada lagi jawatan RPA dalam sistem pengiktirafan Lembaga. Sehubungan itu, **individu yang telah diiktiraf sebagai RPA sebelum ini hendaklah memaklumkan kepada Lembaga secara bertulis sekiranya berhasrat untuk menjadi PPB.** Pengiktirafan sebagai PPB akan dikeluarkan setelah surat hasrat diterima. RPA yang telah diiktiraf ke jawatan PPB boleh menjalankan kewajipan sebagai PPS dan hendaklah mematuhi keperluan yang telah ditetapkan ke atas PPB seperti mana yang digariskan dalam *LEM/TEK/68: Pengiktirafan dan Tugas Pengendali Perunding Bebas*.

5. Berikutkan **Lembaga tidak lagi mengeluarkan pengiktirafan terhadap jawatan RPA** iaitu individu yang hanya berhasrat untuk memberi khidmat nasihat sahaja, sekiranya mana-mana pemegang lesen berhasrat untuk mendapatkan khidmat nasihat daripada pakar/perunding luar, pemegang lesen tersebut boleh mengambil kerja mana-mana individu yang difikirkan sesuai tanpa perlu memohon melalui Lembaga.

PENGUATKUASAAN ARAHAN

6. Arahan ini adalah berkuatkuasa **serta merta**.

PENUTUP

7. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan AELB menggunakan alamat di bawah.

Pengarah

Bahagian Dasar dan Hubungan Luar	No. Tel : +603-89225888
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom	No. Faks : +603-89223685
Kementerian Sains,Teknologi dan Inovasi	E-mel : mnr-customer@aelb.gov.my
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil	Laman Web : wwwaelb.gov.my